



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **27 Dec2021 (Monday)**

### **Berita Harian**

Pasukan khas tangani pasca banjir, hadapi gelombang kedua ditubuh 1  
'ADUN Hulu Kelang usah jadi batu api' 2

### **Utusan Malaysia**

12 tempat kumpul sampah disediakan 3  
38 tanah runtuh termasuk 7 serius 4  
Hakisan tanah ancam kolam tadahan 5

### **Harian Metro**

Panduan ditunjukkan nabi 6  
Unisel kumpul al-Quran rosak 7  
Terima 1,500 tan sampah sehari 8

### **Sinar Harian**

'Gunalah stesen pemindahan sementara' 9  
Sisa barangan rosak meningkat tiga kali ganda 10

### **Didik TV KPM**

Pelajar Antara 120 Sukarelawan Bantu Mangsa Banjir 11

### **Malaysiakini Online**

Saari: Adakah Ismail Sabri berniat buruk terhadap kerajaan Selangor? 12

### **The Star**

Mitigation plans urgently needed 13  
JKR disaster ops centre BiGBen at the ready 14  
COUNCIL NOTICES 15  
Yeoh and Tan take part in clean-up work 16  
A better shot in life 17  
How about other rebates? 18  
Wasting resources 19

### **The Sun**

Long wait likely 20

### **The Star Online**

Floundering in the flood 21

### **China Press**

KDEBWM hope don't obstruct traffic to accelerate the lorry go in and out of load garbage. 22  
3 disaster areas install 6 water pumps. 23  
Start up 11 temporary big type garbage transfer stations. 24  
Selangor MB: mobilize the duties of various executive councillors to speed up post-flood reconstruction 25

### **Sin Chew Daily**

Please do the disaster relief clean-up carefully, the large garbage was thrown in the wrong place 26



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **Nanyang Siang Pau**

Rubbish amount at Sungai Long landfill tripled after flood



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pasukan khas tangani pasca banjir, hadapi gelombang kedua ditubuh
Muka Surat	:	1

# Pasukan khas tangani pasca banjir, hadapi gelombang kedua ditubuh

Oleh **Ahmad Suhael Adnan dan Abnor Hamizam Abd Manap**  
 bhnews@bh.com.my

**Hulu Langat:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas yang bertanggungjawab menyelaras pengurusan pasca banjir dan bersedia menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir.

Pasukan itu akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan dianggotai agensi yang terlibat dalam peng-

urusan bencana, iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBM).

Perdana Menteri menegaskan pasukan itu akan dipertanggungjawabkan mempermadakan segala urusan pasca banjir, khususnya membabitkan penyaliran bantuan serta proses baik pulih kediaman mangsa banjir, selain membuat persediaan dan perancangan awal bagi menghadapi gelombang kedua banjir.

**Nasional 2**

## Penubuhan pasukan elak lewat bantu mangsa banjir

**Dari Muka 1**

"Kerja pasca banjir memang lebih besar dan rumit kerana ia membabitkan kerja pembersihan, pembahagian sumbangan, baik pulih rumah dan sebagainya.

"Proses ini memerlukan koordinasi dan kerjasama yang tegap dan sempurna daripada semua agensi, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya, baru ia dapat diselesaikan.

"Penubuhan pasukan ini penting kerana saya tidak mahu ada kelewatan dalam usaha membantu mangsa banjir," katanya pada sidang media di Masjid Al-Muttaqin di sini, semalam.

Menurut Perdana Menteri, pasukan itu juga diarahkan membuat persediaan rapi bagi menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir, berikutan ramalan akan berlakunya hujan lebat di beberapa negeri.

Beliau mahu pasukan itu membuat keputusan pantas, dan mengadakan mesyuarat pertama seawal hari ini.

Dalam perkembangan sama, Ismail Sabri mengesahkan semua agensi, jabatan dan Kementerian menyegerakan segala urusan berkaitan pengurusan mangsa banjir dan mempermadakan penyaliran sumbangan.

"Saya tak mahu kenah birkorasi yang menyusahkan orang

ramai, sedangkan mereka dalam keadaan susah.

"Jangan kita menambah kesusahannya mereka, sedangkan kerajaan sudah menyediakan peruntukan mencukupi untuk membantu mangsa banjir," katanya, memaklumkan akan mempertimbangkan cadangan memulakan permohonan bantuan secara dalam talian.

Amaran Perdana Menteri mengenai gelombang kedua banjir itu susulan ramalan Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) mengenai jangkaan berlaku hujan lebat di beberapa negeri pantai timur Semenanjung, Johor serta Sabah dan Sarawak, mulai hari ini hingga 1 Januari depan.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut meramalkan kemungkinan berlaku banjir di beberapa kawasan di Kelantan dan Terengganu bermula 30 Disember ini, membabitkan jajahan Gua Musang dan Kuala Krai serta kawasan sekitarnya berikutan jangkakan kenaikan aras air melepasi paras bahaya di Sungai Galas di Limau Kasturi dan Dabong serta Sungai Kelantan di Kuala Krai.

Terlebih, Ismail Sabri membuat tinjauan kawasan terjejas banjir di sekitar Hulu Langat, selain menyantuni penduduk yang masih bertungkus lumus membersihkan kediaman yang terjejas banjir.

Perdana Menteri juga menin-

jakan pembersihan surau Al Muinir yang menjadi 'penyelamat' penduduk yang menaiki bumbung surau itu dalam kejadian Sabtu minggu lalu.

Turut serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

Selepas sepanjang pagi berada di Hulu Langat, pada sebelah petang, Ismail Sabri meninjau dan menyantuni mangsa banjir yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing di sekitar Puchong.

Perdana Menteri turut menziarah lima rumah bertanya sendiri situasi dan keperluan mangsa, yang kehilangan harta benda dalam jumlah besar disebabkan bencana itu, selain meninjau Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dijadikan pusat saluran bantuan kepada penduduk terjejas.

Pada sidang media sama, Perdana Menteri juga mengumumkan pelbagai bantuan dihulurkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta untuk meringankan beban ditanggung mangsa banjir.

Antaranya, rebat 100 peratus secara sekali berti atau 'one-off' bagi bil elektrik Disember yang bakal dimanfaatkan sekitar 72,000 pengguna domestik yang menjadi mangsa banjir di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata TNB

akan turut memberikan perkhidmatan pemeriksaan pendawaian elektrik percuma kepada mangsa banjir.

"Saya juga minta TNB membuat kajian keluaran B40 yang terjejas banjir apabila bekalan elektrik disambung semula. Sejak Jumat, TNB telah melaksanakan kerja pemeriksaan pendawaian percuma kepada pengguna domestik kerana air banjir mungkin menyebabkan kerosakan pendawaian, suis dan sebagainya, jadi situasi itu agak berbahaya," katanya.

Ismail Sabri juga memaklumkan, Kementerian Kewangan sedang berhubung dengan beberapa syarikat pengeluar kenderaan untuk memberi kemudahan kepada mangsa membaiki kenderaan ditenggelami air.

"Perodua umumkan akan menawarkan secara percuma kos tarikh kereta ke pusat servis mereka, baik pulih dan servis. Kos alat ganti masih perlu dibayar, namun Perodua bersetuju memberi diskaun 50 peratus untuk kereta jenama Perodua," katanya.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju memberi Bantuan Wang Ihsan kepada semua mangsa banjir sebanyak RM1,000, sumbangan RM10,000 kepada waris mangsa yang meninggal dunia, selain layak memohon pembiayaan kewangan peribadi tanpa faedah My-Ringgit-i Banjir oleh Bank Sim-

panan Nasional (BSN) sehingga RM10,000 berbanding RM5,000 yang diumumkan pada minggu lalu kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Selain itu, TEKUN Nasional menyediakan dana RM50 juta untuk Pinjaman Pemulihan Banjir bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terjejas akibat bencana banjir dan bagi pinjaman sehingga RM10,000, tiada kadar faedah dikenakan dan moratorium bayaran balik diberikan untuk 12 bulan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata 332 anggota tentera dan 213 pegawai serta anggota polis dikerah ke Maran, Raub, Temerloh, Jerantut dan Kuala Lipis untuk membantu proses pembersihan pasca banjir.

Sehingga semalam, banjir besar yang melanda lapan negeri sejak Sabtu minggu lalu, mengorbankan 47 nyawa, manakala lima mangsa masih dalam senarai hilang.

Acryl Sani berkata, Selangor kekal dengan 25 mangsa, manakala Pahang 19 mangsa dan tiga lagi mangsa di Kelantan.

"Mangsa di Selangor membabitkan 17 lelaki dan lapan wanita; di Pahang 13 lelaki dan empat wanita serta dua kanak-kanak lelaki; manakala di Kelantan dua lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan," katanya dalam kenyataan, semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'ADUN Hulu Kelang usah jadi batu api'
Muka Surat	:	14

# 'ADUN Hulu Kelang usah jadi batu api'

## Tindakan Saari menuding jari satu perlakuan tidak membina

Oleh **Rohaniza Idris**  
 roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib tidak perlu menjadi batu api mengajak mangsa banjir mengambil tindakan undang-undang terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan, berkata kenyataan Saari yang menyatakan Perdana Menteri lewat menguruskan banjir itu berniat jahat atau 'mala fide' serta satu tuduhan amat berat.

Katanya, tindakan Saari menuding jari satu perlakuan yang tidak membina dan tidak produktif.

"Saya tak mahu politikkan isu ini. Berhenti tuduh menuduh, Perdana Menteri serta Menteri Pertahanan sudah beri komitmen kepada Menteri Besar bahawa bantuan dan aset Kerajaan Persekutuan akan dan sudah mula bergerak pada Sabtu," katanya dalam satu hantaran di Face-

booknya, semalam.

Kelmarin, Saari mengesakan mangsa banjir mengambil tindakan undang-undang terhadap Perdana Menteri kerana tidak cakna dengan rayuan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang "memohon bantuan segera ketika banjir semakin teruk" pada 17 Disember lalu.

Beliau menuduh Ismail Sabri berniat jahat atau 'mala fide' terhadap kerajaan Selangor.

Shahril berkata, dalam fasa pasca banjir, semua pihak perlu bekerjasama menolong mangsa banjir bukannya melepaskan tangan dan bukan menuding jari kepada pihak lain tanpa mengambil apa-apa tanggungjawab.

Katanya, banyak pihak yang giat berkhidmat sebaik mampu, namun ia tidak sempurna dan kekurangan itu wujud.

"Ahli politik dan pihak berkuasa perlu terbuka menerima kritikan dari rakyat tetapi sekarang ini masanya untuk kita sebagai pengamal politik yang diberikan amanah dan tanggungjawab memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat.

"Bukan menaikkan kemarahan rakyat dan tuduh menuduh," katanya.

Shahril menegaskan, Perdana Menteri tidak lewat dalam bertindak, malah seawal Jumaat lalu sudah diberi taklimat mengenai taburan hujan yang jarang berlaku hingga menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir.

Sementara itu menerusi status berasingan di Facebook, beliau mengingatkan pemimpin politik supaya memberi komen dan kritikan membina berkaitan bencana alam, bukannya menyalahkan orang lain.

Katanya, adalah lebih baik fokus kepada kerja membantu mangsa banjir daripada sibuk berfikir memburukkan parti lain.

"Jika orang politik berjawatan sekadar mahu komen dan mengulas sensasi di media sosial menyalahkan semua orang lain kecuali diri dan parti sendiri, tak perlu keluar kenyataan

pun tak apa. Cuma, apabila komen dan kritikan itu datang dari pihak berkepentingan seperti ahli politik lain, biarlah ia membina," katanya.

Beliau dipercayai merujuk kenyataan Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Wan Saiful Wan Jan kelmarin yang menyifatkan perebutan jawatan Pengerusi Majelis Keselamatan Negara (MKN)

"Saya tak mahu politikkan isu ini. Berhenti tuduh menuduh, Perdana Menteri serta Menteri Pertahanan sudah beri komitmen kepada Menteri Besar bahawa bantuan dan aset Kerajaan Persekutuan akan dan sudah mula bergerak pada Sabtu"



**Shahril Hamdan,**  
 Ketua Penerangan UMNO

Selangor di antara Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dengan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar sebagai menjengkelkan.

Shahril berkata, beliau kurang minat hendak beradu dalam permainan sama, menuding jari kepada pihak lain pada ketika ini, malah tidak menafikan kekurangan yang wujud dari segi penyelarasan antara agensi Persekutuan dan negeri mahupun kepastian tindak balas setelah banjir melanda.

"Ini semua mesti diperbaiki setelah selesai urusan mendesak depan mata sekarang," katanya sambil menekankan, rakan dalam UMNO dan kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri daripada UMNO terus bekerja membantu mangsa banjir.

Tanpa menidakan sumbangan parti lain apatah lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan, Shahril berkata, misi membantu mangsa banjir oleh UMNO sudah pun bergerak pantas dari hari pertama bencana melalui bahagian.

"Pada Ahad 19 Disember, presiden mengarahkan seluruh jentera Barisan Nasional (BN) me-

nyalurkan bantuan kepada kawasan terkesan. Ini diselenggarakan oleh Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah sebagai Penyelaras Bantuan Bencana BN.

"Malah, Ketua Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Azeez Rahim juga bertungkus lumus turun ke hampir semua kawasan banjir untuk menghantar bantuan asas seperti makanan, toto, tilam, bantal dan lain lain. Rangkaian nasional UMNO digerakkan membantu dengan sumbangan barangan dan tenaga kerja.

"Misalnya, UMNO Perak membantu di Hulu Langat dan Pemuda UMNO Terengganu membantu rakan Pemuda UMNO Pahang, Pimpinan utama parti, termasuk ketua sayap juga habis pusing semua kawasan banjir, bersama-sama mengedar, mencuci, mengangkat.

"Malah, Perdana Menteri sendiri telah turun ke Kota Raja, Klang, Jekebu, Bera, Mentakab, Bentong dan beberapa lokasi lain. Di Pahang, beliau terpaksa menggunakan helikopter bukan disebabkan mahu bermegah, tetapi kerana jalan Karak-Lanchang-Mentakab masih tutup," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 27 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	12 tempat kumpul sampah disediakan
Muka Surat	:	7

### 12 tempat kumpul sampah disediakan

**SHAH ALAM:** Sebanyak 12 stesen pemindahan sementara (TS) sedia bagi memudahkan pengumpulan sampah yang diangkut oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau individu persendirian yang melakukan kerja-kerja kutipan barang buangan dalam pasca banjir di negeri ini.

Dua belas kawasan tersebut meliputi empat PBT seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Seksyen 21, 25, 34 dan Kampung Lombong; Majlis Perbandaran Kajang di Sungai Lui, Batu 14 Hulu Langat dan Reserve Kubur Nanding.

Di Majlis Perbandaran Sepang pula TS di sediakan di Taman Emas Dengkil, Taman Lestari Mewah Jenderam dan Business Park, Bandar Baru Salak Tinggi dan Majlis Bandaraya Subang Jaya di Bukit Lanchong.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam, Ng Sze Han berkata, bagi lokasi berhampiran tapak pelupusan seperti di Tapak Pelupusan Sampah Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dan Jeram, Kuala Selangor, pihak yang membawa sampah berkenaan juga boleh bawa terus ke sana.

"Semua TS ini sedang digunakan secara optimum dengan lebih 50 mesin jentolak dan jengkaut beroperasi di stesen tersebut.

"Kerajaan negeri Selangor mengucapkan terima kasih kepada NGO serta kontraktor persendirian yang turut membantu di dalam melaksanakan operasi pembersihan sampah pasca banjir di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, berikutan banjir besar yang melanda berlaku pembuangan sampah di kawasan yang tidak dihaskan bagi pengumpulannya.

Oleh demikian, situasi berkenaan akan menyebabkan kelewatan penyelesaian pembersihan sampah apabila KDEB Waste Management atau PBT terpaksa membersihkan kawasan tersebut.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 27 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	38 tanah runtuh termasuk 7 serius
Muka Surat	:	29

# 38 tanah runtuh termasuk 7 serius

**SHAH ALAM:** Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melaporkan 38 kejadian tanah runtuh termasuk tujuh daripadanya teruk berlaku di Selangor.

Kawasan teruk tersebut ialah di Taman Nusa, Subang; Apartment Teratai, Selayang; Jalan Bunga Anggerik, Taman Dataran Ukay dan Jalan Melati 7, Taman Seri Melati.

Selain itu Kampung Sepakat, Batu 16, Rawang; Jalan Haji Abdul Latif, Kampung Bukit Kapar dan Jalan 45B, Bukit D, Kampung Cheras Baru.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim dalam satu kenyataan berkata, beberapa jalan di negeri ini masih ditutup berikutan terjejas akibat banjir.

“Sebanyak 284 jalan membatikan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di seluruh Selangor terjejas akibat banjir.

“Enam Jalan Persekutuan

di Petaling, Sepang, Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor masih ditutup termasuk lima Jalan Negeri di Kuala Selangor dan Hulu Langat,” katanya.

Terdahulu *Utusan Malaysia* melaporkan bencana banjir yang melanda di semua daerah di Selangor dengan situasi kritikal di Taman Sri Muda, Seksyen 25, di sini dan Pelabuhan Klang.

Banjir tersebut menyebabkan lebih 30,000 mangsa banjir dipindahkan ke lebih 100 pusat pemindahan sementara (PPS).

Rentetan itu, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Dr. Aminuddin Hassim memaklumkan JMG melaporkan terdapat 44 kawasan berpotensi berlaku tanah runtuh dikenal pasti.

Bagaimanapun, katanya, langkah-langkah wajar diambil Jabatan itu dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 27 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Hakisan tanah ancam kolam tadahan
Muka Surat	:	30

### Hakisan tanah ancam kolam tadahan

**PETALING JAYA:** Sebuah kolam takungan air yang menjadi sumber alternatif untuk penduduk di kawasan sekitar diancam hakisan tanah di kawasan Sungai Selangor yang terletak bersebelahan dengannya.

Apa yang membimbangkan, hakisan teruk yang terbentuk di sungai tersebut kurang lima meter antara kolam tadahan dan Sungai Selangor itu.

Malah, berdasarkan tinjauan *Utusan Malaysia*, kawasan hakisan terletak di Jalan Rawang-Batang Berjantai juga semakin lebar dan dipercayai berlaku sejak beberapa bulan lalu.

Persoalan timbul apakah tindakan yang dilaksanakan agensi berkaitan dalam usaha mengelakkan daripada kolam yang kini berisiko melimpah sekiranya keadaan ini tidak diatasi.

*Utusan Malaysia* difahamkan, hakisan berpunca daripada peningkatan air sungai akibat hujan lebat sejak pertengahan tahun ini.

Hakisan itu juga menyebabkan laluan ke sebuah ladang kelapa sawit di atas tanah milik kerajaan negeri terputus sejak Julai lalu.

Malah, kawasan tersebut hanya boleh dilalui motosikal namun masih membahayakan anggota penguat kuasa yang membuat kawalan kerja-kerja mengorek pasir.

Selain itu, keluasan tanah kebun dan milik kerajaan negeri di kawasan berkenaan bakal terancam dan boleh menyebabkan kerugian jutaan ringgit.

Berdasarkan rekod portal rasmi Dewan Undangan Negeri Selangor, jumlah aduan diterima Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri menunjukkan peningkatan tiga tahun berturut-turut iaitu dari 2008 sehingga 2010.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Panduan ditunjukkan nabi
Muka Surat	:	15

**SITUASI HUJAN & BANJIR**

# Panduan ditunjukkan nabi



Bersama  
**Dr Mohd Khafidz Soroni**



Hujan merupakan antara tanda kebesaran Allah SWT bagi mereka yang berfikir kerana ia boleh menjadi rahmat atau sebaliknya

ujan merupakan makhluk Allah SWT yang diturunkan bukan sahaja sebagai pembawa rahmat, tetapi juga sebagai pembawa peringatan dan ujian kepada manusia yang beriman serta boleh jadi sebagai azab dan bencana kepada manusia yang ingkar dan kufur kepada-Nya. Manusia yang beriman dan beramal soleh akan dipelihara oleh Allah SWT dengan izin-Nya. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: "Tuhanmu 'azza wajalla telah berfirman: Jikalau hamba-hambaKu mentaatiKu, nescaya Aku akan turunkan kepada mereka hujan di waktu malam dan Aku terbitkan ke atas mereka matahari di waktu siang, serta Aku tidak akan memperdengarkan kepada mereka suara halilintar."  
**(Riwayat Ahmad dengan sanad hasan)**

Bagaimanapun, bukan bermakna mereka tidak akan diuji oleh Allah SWT kerana dunia sememangnya adalah tempat ujian bagi umat manusia. Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa pernah berlaku kemarau di zaman Nabi SAW. Lalu seorang lelaki datang kepada Nabi SAW pada hari Jumaat, ketika baginda sedang berkhubah di Madinah. Lalu lelaki itu berkata: "Sudah sekian lama hujan tidak turun, maka mintalah hujan kepada Tuhanmu." Lalu baginda memandang ke langit dan kami tidak melihat satu awan pun. Lantas Baginda berdoa meminta hujan, maka tiba-tiba awan pun muncul dan bergabung antara satu sama lain. Kemudian hujan pun turun kepada mereka sehingga mengalirlah aliran-aliran air di Madinah. Bagaimanapun, ia berterusan sampai ke hari Jumaat berikutnya dan tidak berhenti. Kemudian lelaki tersebut atau seorang yang lain berdiri ketika Nabi SAW sedang berkhubah, katanya: "Kami sudah kebanjiran, maka berdoa kepada Tuhanmu supaya Dia menahan hujan daripada kami." Lantas Baginda pun tertawa kemudian berdoa: "Ya Allah, turunkanlah (hujan) di sekitar kami dan bukan (sebagai bencana) ke atas kami." Baginda mengulanginya dua atau tiga kali. Maka tiba-tiba awan pun beralih dari Madinah ke kanan dan kiri, dan mengujani kawasan yang berada di sekitar kami dan tidak turun di Madinah sedikit pun. Allah hendak memperlihatkan kepada mereka kemuliaan Nabi-Nya SAW dan kemustajaban



DISUNAHKAN ketika berlaku banjir atau berasa kluatir banjir akan berlaku agar dibaca doa seperti diajarkan Nabi SAW.

doanya." **(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)**

Antara pengajaran daripadanya ialah sunah bagi masyarakat awam untuk meminta kepada orang alim atau orang soleh berdoa memohon kepada Allah SWT agar diangkat sesuatu bencana yang berlaku, misalnya ketika kemarau agar diturunkan hujan dan ketika berlaku banjir pula agar ditahankan hujan tersebut. Padahal mereka sendiri boleh berdoa secara langsung kepada Allah SWT sebagaimana yang Nabi SAW sendiri ajarkan kepada mereka.

Disunahkan juga ketika banjir berlaku atau berasa kluatir banjir akan berlaku agar dibaca doa ini sebanyak tiga kali, iaitu: "Allahumma hawalaina wala 'alaina" (Ya Allah, turunkanlah ia di sekitar kami dan bukan sebagai bencana - ke atas kami). Dalam riwayat lain ada ditambah: "Ya Allah, turunkan ia di dataran tinggi, pergunungan, perbukitan, kawasan lembah dan tempat tumbuhnya pepohonan."

Imam Ibnu Daqiq al-'Eid dalam kitab Ihkam al-Ahkam berkata: "Terdapat dalam hadis ini dalil bolehnya berdoa bagi memohon agar dihentikan kemudaratan akibat hujan, sebagaimana dijanjurkan untuk berdoa agar turunnya hujan tatkala lama tidak



turun. Ini kerana kesemuanya itu adalah perkara yang memudaratkan."

Kita mengharapkan agar dengan doa ini Allah SWT tidak menimpakan hujan itu sebagai azab dan bencana, sebaliknya sebagai rahmat kepada manusia, seperti hujan itu turun ke kawasan takungan air atau tempat yang subur lalu menjadi manfaat kepada semua.

Selain itu, Nabi SAW turut mengajarkan agar berasa resah dan kluatir dengan awan

menung yang datang. Daripada 'Aisyah RA katanya, sesungguhnya Nabi SAW apabila melihat awan menung yang datang dari arah suatu ufuk, baginda SAW akan meninggalkan segala pekerjaannya, walaupun ketika solat, sehinggalah baginda menghadap gugusan awan menung tersebut, lantas berdoa: "Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung dengan-Mu daripada keburukan apa yang dibawa dengannya". Apabila hujan turun baginda akan berdoa: "Ya Allah, jadikanlah ia hujan yang memberi manfaat." Baginda mengulanginya dua atau tiga kali. Jika Allah SWT menyingkapkan awan tersebut pula dan tidak jadi hujan, baginda akan memuji Allah terhadapnya." **(Riwayat Ibn Majah dengan sanad sahih)**

Jelasnya, hujan merupakan antara tanda kebesaran Allah SWT bagi mereka yang berfikir kerana ia boleh menjadi rahmat atau sebaliknya. Kesemuanya bagi mengingatkan umat manusia agar sentiasa insaf dan lebih mendekatkan diri kepada Allah dan menjadi hamba-Nya yang soleh.

**Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Unisel kumpul al-Quran rosak
Muka Surat	:	18



SEBAHAGIAN al-Quran yang terjejas akibat banjir dikeringkan sukarelawan di Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang.

## Unisel kumpul al-Quran rosak

**Kuala Selangor:** Universiti Selangor (Unisel) Kampus Bestari Jaya mengambil inisiatif membuka pusat pengumpulan naskhah al-Quran yang terjejas akibat banjir sebelum ia dilupuskan.

Pembukaan pusat pengumpulan itu bertujuan memastikan proses pelupusan lebih teratur dan sempurna dalam menjaga kemuliaan naskhah berkenaan.

Presiden dan Naib Canselor Unisel Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, mangsa banjir di sekitar universiti itu yang mempunyai al-Quran terjejas boleh menghantarnya ke Masjid Unisel Kampus Bestari Jaya sebelum diserahkan kepada pihak berwajib untuk dilupuskan.

"Kemuliaan al-Quran menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam. Jadi, proses pelupusan perlu melalui cara terhormat dan mengikut prosedur majlis agama Islam.

"Perkhidmatan pengumpulan dilakukan di sini kerana Unisel merupakan kawasan strategik.



*Kemuliaan al-Quran menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam"*

**Dr Mohammad Redzuan**

"Ia bertempat di tengah-tengah antara Kampus Bestari Jaya, Permatang, Ijok dan kawasan sekitar," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Dr Mohammad Redzuan berkata, Unisel akan menanggung segala kos pelupusan al-Quran yang terjejas.

Menurutnya, proses pengumpulan akan terus dilaksanakan hingga selesai semua proses pembersihan rumah mangsa banjir di kawasan sekitar.

Katanya, pihak di kawasan sekitar universiti yang ingin menghantar al-Quran terjejas boleh menghubungi Pengarah Pusat Islam, Ab Razak Aripin di talian 019-782 2897 untuk urusan pelupusan itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Terima 1,500 tan sampah sehari
Muka Surat	:	19

# Terima 1,500 tan sampah sehari

Operator Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil menerima peningkatan tiga kali ganda sampah banjir

**Bernama**  
**Dengkil**

Syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Worldwide Holdings Bhd selaku operator Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil, menerima peningkatan tiga kali ganda sampah yang rosak akibat banjir berbanding kebiasaan, kata jurutera operasinya, Azimie Zakaria.

Bercakap kepada Bernama baru-baru ini, Azimie berkata, pihaknya sebelum ini menerima 500 tan sampah sehari berbanding 1,500 tan ketika ini, ekoran kerja pembersihan kediaman sedang giat dijalankan penduduk selepas banjir surut. "Kita di sini (Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil) terima sampah lengai seperti sisa pukal, kebun, pembinaan dan kini barangan yang rosak akibat banjir. "Yang paling ketara pasca banjir adalah perabot dan kelengkapan rumah lain seperti barangan elektrik," katanya.

Bagi memastikan kelancaran proses pengurusan sisa buangan pasca banjir, beliau berkata waktu operasi di tapak pelupusan berkeluasan 58.6 hektar yang dibuka sejak 2004 itu dilanjutkan sehingga jam 11 malam berbanding jam 8 pagi hingga jam 6 petang sebelum ini.

"Kita harap dapat perce-

patkan proses untuk bersihkan barang-barang rosak yang dilonggokkan di hadapan rumah atau di tempat pemuangan sampah di kawasan perumahan," katanya.

Beliau berkata kebanyakan lori pengangkut sisa tersebut adalah lori ro-ro tiga tan dengan kekuatan tiga pekerja, yang dikendalikan pekerja pembersihan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEB) cawangan Sepang setiap hari.

"Bagi kawasan perumahan kita hanya guna kudrat tenaga manusia untuk angkat semua jenis barang yang rosak. Agak sukar untuk guna jentera seperti 'back-hoe' kerana akan halang laluan keluar masuk penduduk," katanya.

Azimie berkata, jumlah kekerapan perjalanan sebuah lori ro-ro dari kawasan perumahan ke tapak pelupusan juga meningkat kepada lima kali sehari.

"Sebelum banjir ada 200 hingga 300 lori ro-ro masuk ke tapak pelupusan, tapi kini boleh capai 400 biji sehari sebab sebuah lori ro-ro buat lima kali perjalanan. Secara purata satu lori hanya boleh bawa sisa sampah banjir bagi satu rumah sahaja," katanya.

Ditanya mengenai kos operasi, beliau mengakui

bahawa pihaknya menjangkakan peningkatan kos luar biasa, memandangkan waktu operasi dilanjutkan kerana ia membabitkan tenaga kerja buruh dan pelanjutan operasi jentera berat serta kos pembelian tanah merah bagi menutupi setiap lapisan sampah yang dimampatkan.

"Kos operasi dijangka meningkat 40 peratus," katanya.

Mengenai proses pelupusan, beliau berkata setiap lori ro-ro akan ditimbang dua kali iaitu sebelum dan selepas mengeluarkan sampah dari kenderaan terabit di lokasi yang disediakan.

"Dengan cara ini, kami akan dapat kapasiti berat sebenar sampah yang dibuang di sini," katanya.

Beliau berkata sampah terabit akan diasingkan terlebih dahulu sekiranya terdapat barangan yang boleh dikitar semula bagi mengurangkan jumlah sampah yang perlu dilupuskan.

"Sampah-sampah ini kemudiannya akan dimampatkan guna jentera seperti *back-hoe*. Selepas itu akan ditutup dengan tanah merah untuk elak daripada serangga vektor dan

bau," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi KDEB Cawangan Sepang Ahmad Fauzan Hushim berkata, pihaknya terpaksa menghentikan seketika tugas pembersihan rutin bagi memastikan barang-barang yang rosak dapat dibawa ke tapak pelupusan dengan segera.

"Sejurus banjir surut, penduduk mula mengeluarkan

barang mereka yang rosak. Ini memudahkan pekerja untuk angkut ke tapak pelupusan yang dianggarkan antara 10 dan 15 kilometer dari kawasan perumahan sekitar Sepang," katanya.

Justeru itu, beliau meminta setiap penduduk untuk bersabar dengan memberi jaminan bahawa pihaknya akan mempercepatkan kerja-kerja pembersihan memandangkan barangan yang rosak akibat banjir mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan sekiranya dibiarkan terlalu lama.



BARANGAN yang rosak akibat banjir memenuhi tapak pelupusan sampah.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>27 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Gunalah stesen pemindahan sementara'
Muka Surat	:	14

Kerajaan negeri Selangor sediakan 11 lokasi sementara sampah pukul bagi mangsa banjir

Oleh NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM

**K**erajaan negeri Selangor memohon kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam membantu operasi pembersihan pasca banjir di Selangor untuk membuang sampah di stesen pemindahan sementara (TS) sampah pukul yang disediakan.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Selangor, Ng Sze Han berkata, kerajaan negeri membuka 11 TS bagi mempercepatkan urusan pembersihan sampah pasca banjir.

Menurut beliau, semua TS tersebut sedang digunakan secara optimum dengan lebih 50 mesin jentolak dan jengkaut beroperasi di stesen tersebut.



SZE HAN

"Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan kontraktor persendirian yang membantu dalam melaksanakan pembersihan di Selangor.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri dimaklumkan terdapat sampah telah dibuang di kawasan awam seperti tepi jalan raya atau kawasan yang bukan di zon di bawah TS," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Sze Han berkata, situasi tersebut menyukarkan serta membatalkan kerja-kerja pembersihan di lokasi terjejas.

"Ia kerana pihak KDEB Waste Management atau pihak berkuasa tempatan (PBT) terpaksa membersihkan kawasan tersebut dan seterusnya akan melwatkan operasi pembersihan sampah pasca banjir," katanya.

Justeru katanya, kerajaan ne-



Pemandangan dari udara sebuah lorong di Kampung Lombong yang membawa sampah sarap pukul untuk dilupuskan setelah proses pembersihan dijalankan di sekitar bandar raya Shah Alam pada Sabtu.

geri berharap semua pihak dapat bekerjasama untuk membuang sampah pasca banjir di TS berdekatan atau menghantar sampah terus ke tapak pelupusan sampah Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dan Jeram.

"Tiada bayaran yuran *tipping* (*tipping fees*) dikenakan di kedua-dua tapak pelupusan sam-

pah ini untuk sampah pukul yang disebabkan bencana banjir.

"Diharap dengan kerjasama semua pihak, operasi pembersihan sampah pasca banjir akan dapat selesai dengan kadar segera," katanya.

Senarai TS disediakan dalam Bandaraya Shah Alam adalah Seksyen 21, Seksyen 34, Seksyen

25 dan Kampung Lombong, manakala Majlis Perbandaran Kajang (Sungai Lui, Batu 14 Hulu Langat, Nanding), Majlis Perbandaran Sepang (Taman Emas Dengkil, Taman Lestari Mewah, Business Park di Bandar Baru Salak Tinggi) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (Bukit Lanchong).

# 'Gunalah stesen pemindahan sementara'



## KERATAN AKHBAR 27 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sisa barangan rosak meningkat tiga kali ganda
Muka Surat	:	14

### Sisa barangan rosak meningkat tiga kali ganda

**DENGKIL** - Syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Holdings Bhd selaku operator Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil, menerima peningkatan tiga kali ganda sampah yang rosak akibat banjir berbanding kebiasaan.

Jurutera Operasinya, Azimie Zakaria berkata, pihaknya sebelum ini menerima 500 tan sampah sehari berbanding 1,500 tan ketika ini, ekoran kerja pembersihan giat dijalankan penduduk selepas banjir surut.

“Kita di sini (Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil) terima sampah lengai seperti sisa pukal, kebun, pembinaan dan kini barangan yang rosak akibat banjir.

“Yang paling ketara pasca banjir adalah perabot dan kelengkapan rumah lain seperti barangan elektrik,” katanya.

Bagi memastikan kelancaran proses pengurusan sisa buangan pasca banjir, waktu operasi di tapak pelupusan berkeluasan 145 ekar (58.68 hektar) yang dibuka sejak tahun 2004 itu dilanjutkan

sehingga 11 malam.

“Kita harap dapat mempercepat proses bersih barang-barang rosak yang dilonggokkan di hadapan rumah atau di tempat pembuangan sampah di kawasan perumahan,” katanya.

Beliau berkata kebanyakan lori pengangkut sisa tersebut adalah lori Roro tiga tan dengan kekuatan tiga pekerja dikendalikan pekerja pembersihan KDEB Waste Management Sdn Bhd

(KDEB) cawangan Sepang.

“Bagi kawasan perumahan, kita guna kudrat tenaga manusia untuk angkat semua jenis barang rosak. Agak sukar untuk guna jentera seperti jengkaut kerana akan halang laluan,” katanya.

Azimie berkata, jumlah kekerapan perjalanan sebuah lori Roro dari kawasan perumahan ke tapak pelupusan juga meningkat kepada lima kali sehari.  
- *Bernama*



Petugas pembersihan membantu penduduk Taman Mutiara Dengkil mengangkat sisa buangan akibat banjir yang melanda baru-baru ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 December 2021**

Akhbar	:	Didik TV KPM
Tajuk Berita	:	Pelajar Antara 120 Sukarelawan Bantu Mangsa Banjir
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 December 2021</b>		
